

AMANAH RAYA

■ PUSAKA ■ URUS AMANAH ■ HARTASAH ■ REKLAMASI ■ PERSANGKAN

FOR IMMEDIATE RELEASE

PRESS RELEASE

Kuala Lumpur, 23 December 2008 - Standard & Poor's Ratings Services (S&P) has accorded a stable outlook for Amanah Raya Bhd's (AmanahRaya) AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AR-REIT), a Real Estate Investment Trust listed on Bursa Malaysia, tagging the investment instrument with a "BBB-" issuer credit rating.

The favourable rating on AR-REIT by S&P reflects the REIT's stable rental income, long lease-maturity profile, and high level of tenant security deposits. The international rating agency also takes notice of AR-REIT's link with Kumpulan Wang Bersama (KWB). The link with KWB provides a good source of quality properties for AR-REIT to acquire, and S&P sees this as a factor tipping the scale to AR-REIT's favour. AmanahRaya manages KWB, an RM6.6 billion fund.

KWB, which owns more than 50% of AR-REIT, provides a ready pool of properties that have sustainable incomes to assist in the growth of the portfolio of AR-REIT. At present, AR-REIT's medium-term target for its debt-to-total capital ratio is about 40%. AR-REIT's stable rental income is underpinned by the long lease-maturity profile of its portfolio of 13 properties, which have a lease period of between 6 to 10 years, which is above the Malaysian industry average of about 3 years.

AR-REIT's rents and lease obligations are also backed by tenant security deposits averaging more than a year in the form of cash and a banker's guarantee. This higher-than-industry-average level of security deposits mitigates tenant-default risk. In addition, most of AR-REIT's assets are strategically located in Kuala Lumpur and other commercial district within the suburban of Selangor.

AR-REIT made its debut on Bursa Securities Malaysia Berhad on 26 February 2007 with a total asset size of RM337 million. It has a diverse portfolio encompassing hospitality, industrial, education and commercial properties with a market capitalisation of RM366.8 million as at 22 December 2008.

-End-

ABOUT AMANAH RAYA-JMF ASSET MANAGEMENT SDN BHD

AmanahRaya-JMF Asset Management Sdn Bhd, a subsidiary of AmanahRaya which is a licensed asset management company with total funds under management of approximately RM8.4 billion as at end 2007. It is also the manager for AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AR-REIT), the first REIT to be listed on Bursa Malaysia by a wholly-owned government corporation, with a total investment properties valued at RM645.52 million as at end 2007.

For more information, download AmanahRaya website: www.amanahraya.com.my

For media enquiries, please contact:

Market Development Department, Amanah Raya Berhad

Azliah Suhod
Senior Manager
Tel: 03-2055 7373
Fax: 03-2072 1434
E-mail: norsyillawaty@arb.com.my

Fakru Radzi Abdul Ghani
Manager, Property Investment ARJMF
Tel: 03-2687 5266
Fax: 03-2687 5399
E-mail: radzi@amanahraya.jmf.com

Netty Meutia Mohamed
Executive
Tel: 03-2055 7625
Fax: 03-2072 1434
E-mail: netty@arb.com.my

SIARAN AKHBAR

Kuala Lumpur, 23 Disember 2008 -Standard & Poor's Ratings Services (S&P) telah memberi ramalan "stabil" bagi AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AR-REIT), iaitu dana pelaburan harta tanah yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan penarafan penerbit kredit "BBB-".

Penarafan ini mencerminkan kemampuan AR-REIT menjana pendapatan sewa yang stabil, pemilikan profil pajakan jangka panjang serta tahap deposit sekuriti penyewa yang tinggi. Syarikat penaraf antarabangsa itu turut mengambil kira kaitan antara AR-REIT dengan Kumpulan Wang Bersama (KWB). Hubungan ini memberi peluang bagi AR-REIT untuk membeli harta tanah-harta tanah berkualiti bagi tujuan pengumpulan aset dan penambahbaikan sebelum disenaraikan ke REIT. S&P melihat faktor ini sebagai positif dalam memberi penarafan tersebut. KWB adalah sebuah tabung umum berjumlah RM6.6 billion yang diurusstadbir oleh AmanahRaya.

KWB yang mempunyai pegangan majoriti melebihi 50% di dalam AR-REIT, berkeupayaan untuk menyuntik harta tanah-harta tanah yang dapat memberi pendapatan yang berterusan bagi AR-REIT dalam membantu pertumbuhan portfolio AR-REIT. Pada masa ini sasaran jangka masa sederhana bagi nisbah hutang dan modal keseluruhan AR-REIT adalah kurang daripada 40%. Pendapatan sewaan yang stabil oleh AR-REIT adalah disokong oleh pajakan jangka masa panjangnya bagi portfolio 13 hartanahnya yang mempunyai tempoh pajakan di antara 6 hingga 10 tahun. Ini melebihi purata industri harta tanah di Malaysia iaitu selama 3 tahun.

Sewaan dan pajakan AR-REIT juga disokong dengan deposit sekuriti yang melebihi satu tahun dalam bentuk tunai dan jaminan bank. Kadar melebihi purata industri ini mengurangkan risiko kegagalan perolehan sewa oleh AR-REIT. Lebih lagi, kebanyakan harta tanah AR-REIT terletak di kawasan yang strategik di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan komersil di sekitar Selangor.

AR-REIT telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada 26 Februari 2007 dengan jumlah aset bernilai RM337 juta. Ia memiliki portfolio harta tanah yang merangkumi sektor perkhidmatan, industri, pendidikan dan komersil dengan modal pasaran sebanyak RM366.8 juta pada 22 Disember 2008.

-Tamat-

MENGENAI AMANAHRAYA-JMF ASSET MANAGEMENT SDN BHD

AmanahRaya-JMF Asset Management Sdn Bhd, anak syarikat AmanahRaya merupakan syarikat pengurusan aset berlesen dengan anggaran jumlah dana di bawah pengurusan sebanyak RM8.4 billion sehingga berakhir tahun 2007. Ia juga merupakan pengurus bagi AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AR-REIT), REIT pertama yang disenaraikan di Bursa Malaysia oleh syarikat hak milik penuh kerajaan, dengan jumlah pelaburan harta tanah bernilai RM645.52 juta pada akhir 2007.

Untuk maklumat lanjut sila lawati laman web www.amanhraya.com.my

Dikeluarkan secara rasmi oleh:

Jabatan Pembangunan Pasaran, Amanah Raya Berhad

Azliah Suhod

Pengurus Kanan

Tel: 03-2055 7373

Fax: 03-2072 1434

E-mail: norsyillawaty@arb.com.my

Fakru Radzi Abdul Ghani

Pengurus, Pelaburan Hartanah ARJMF

Tel: 03-26875266

Fax: 03-2687 5399

E-mail: radzi@amanahrayajmf.com

Netty Meutia Mohamed

Eksekutif

Tel: 03-2055 7625

Fax: 03-2072 1434

E-mail: netty@arb.com.my